

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Keterah] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan strategi proaktif bagi memastikan transformasi Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 (KR1M 2.0) berjaya mencapai matlamat penubuhannya dan seterusnya mampu memberi manfaat kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penstrukturan semula Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) kepada KR1M 2.0 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dengan jayanya pada 4 Februari 2018 di Temerloh, Pahang. Melalui penstrukturan semula KR1M ini, strategi proaktif yang diambil oleh Kerajaan ialah penjualan produk berjenama dengan mengekalkan rupa bentuk bungkusan produk tersebut sebagaimana yang dijual di kedai-kedai lain. Penjualan barangan KR1M 2.0 yang menggunakan bungkusan asal produk yang berjenama dengan harga yang lebih murah dan kompetitif daripada pasaran telah menambahkan lagi keyakinan rakyat terhadap kualiti produk yang

terdapat di KR1M 2.0. Strategi perniagaan yang tepat membolehkan harga barangan KR1M 2.0 diturunkan kepada harga yang lebih berpatutan dan harga sebegini juga boleh dilaksanakan oleh pasaraya/pekedai yang lain jika betul strategi perniagaannya. Ia mewujudkan persaingan yang sihat dan menyebabkan syarikat-syarikat peruncitan lain turut menawarkan harga yang lebih kompetitif. Oleh itu, secara tidak langsung rakyat juga mendapat faedah daripada persaingan sihat ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Inisiatif KR1M 2.0 tidak memfokuskan kepada kedai fizikal yang khusus seperti dahulu. KR1M 2.0 telah distrukturkan kepada model perniagaan baharu yang melibatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dan rakan kongsi strategik KR1M 2.0. Model perniagaan tersebut terdiri daripada operasi perniagaan kendalian pemilik (*owner-operator*) dan penjenamaan bersama (*co-branding*). Antara produk-produk yang dijual melalui KR1M 2.0 ialah barangan keperluan asas seperti gula kasar, minyak masak, tepung gandum dan beras yang dijual pada harga berpatutan. Selain itu, KR1M 2.0 juga tidak lagi menjual produk dalaman (*in-house*) sendiri seperti KR1M terdahulu. Barangan KR1M 2.0 yang dijual adalah barangan harian yang berjenama dan pembungkusannya sama seperti yang dijual di lain-lain kedai.

SOALAN (52)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YBTAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]

SOALAN :-

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH] minta **Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan** menyatakan sejauh mana Kementerian memberi pendedahan tentang kepentingan pengasingan sisa pepejal kepada penduduk luar bandar dalam usaha memastikan program pengasingan sisa pepejal turut diperluas di kawasan luar bandar dan sekaligus sebagai usaha mendidik penduduk luar bandar untuk menguruskan sisa pepejal dengan lebih efektif tanpa mencemarkan alam sekitar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca telah bermula pada 1 September 2015 secara serentak di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis.

Penguatkuasaan ini antara lain bertujuan untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, meningkatkan kadar kitar semula negara, menjimatkan perbelanjaan pengurusan sisa pepejal, memelihara sumber alam semulajadi dan meningkatkan budaya amalan 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) dalam kalangan masyarakat.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca ini tidak dilaksanakan di kawasan luar bandar kerana ia hanya

dilaksanakan di kawasan-kawasan yang diberi perkhidmatan oleh SWCorp. Namun begitu, usaha penyebaran maklumat dan pendidikan terhadap amalan menguruskan sisa pepejal yang menyeluruh tetap menjadi agenda utama Kementerian.

Untuk makluman, program dan kempen yang telah dilaksanakan adalah secara berterusan meliputi pelbagai golongan masyarakat termasuk masyarakat di bandar dan luar bandar. Program-program 3R yang dijalankan sejak tahun 2010 sehingga 31 Januari 2018 adalah seperti berikut:

a) Ceramah dan pameran

- Sebanyak 1,171 sesi ceramah dan 537 sesi pameran telah dijalankan.

b) Program 3R di pra-sekolah dan tadika

- Sebanyak 1,622 program telah dijalankan meliputi 570,506 kilogram sisa kitar semula berjaya dikumpul.

c) Program 3R di sekolah

- Sebanyak 2,757 program kitar semula telah dijalankan menerusi Kelab Kitar Semula dan berjaya mengumpul sebanyak 3,649,643 kilogram sisa kitar semula.

d) Program 3R di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

- Data bagi tempoh 2016 – Januari 2018 sebanyak 162 program 3R telah dijalankan bersama-sama penglibatan mahasiswa dari pelbagai IPT dan berjaya mengumpul sebanyak 69,721 kilogram sisa kitar semula.

e) Program 3R di peringkat komuniti

- Pihak kerajaan telah menjalankan 2,062 program *engagement* dan kitar semula di kawasan perumahan dan sejumlah 963,323 kilogram sisa kitar semula telah berjaya dikutip.

f) Program 3R di agensi kerajaan

- Sebanyak 1,433 program telah dijalankan di agensi kerajaan dengan kutipan sisa kitar semula sebanyak 4,044,490 kilogram.

g) Program Drive-Thru 3R

- Pihak kerajaan juga telah mengadakan 1,082 program kitar semula sehenti (3R@Drive-Thru) dan berjaya mengumpul sejumlah 4,078,699 kilogram sisa kitar semula.

h) Program 3R bersama pihak industri

- Data bagi tempoh 2016 – Januari 2018 sebanyak 455 program yang melibatkan sektor swasta dan berjaya mengumpul sejumlah 7,072,552 kilogram sisa kitar semula.

Selain itu, Kementerian melalui SWCorp telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi melaksanakan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah untuk memberikan pendedahan terhadap pengurusan sisa pepejal yang betul bermula dari usia seawal 5 dan 6 tahun. Usaha ini dilihat selaras dengan aspirasi kerajaan Malaysia untuk melahirkan generasi minda kelas pertama

menjelang tahun 2050 yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab yang harus dipikul demi menjaga kelestarian alam sekitar.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018